

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN**  
**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2021 SIRI 2 MENGENAI AUDITAN KHAS**  
**PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR, AKTIVITI JABATAN,**  
**PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI DAN PENGAUDITAN PEMATUHAN AGENSI NEGERI**  
**SELANGOR**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Audit Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar, Aktiviti Jabatan Negeri, Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dan Pengauditan Pematuhan Agensi Negeri Selangor. LKAN ini melaporkan dua pengauditan prestasi, satu pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan negeri dan tiga pengauditan pematuhan agensi negeri seperti berikut:
  2. Sebanyak enam pengauditan yang dilaksanakan seperti berikut:
    - a. Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar melibatkan enam jabatan, iaitu Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS), Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) Negeri Selangor, Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Negeri Selangor, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor, Jabatan Perhilitan Negeri Selangor dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Negeri Selangor.
    - b. Pengurusan Kemudahan Awam/Asas Desa melibatkan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) dan tiga Pejabat Daerah & Tanah (PDT), iaitu PDT Klang, PDT Sepang dan PDT Kuala Selangor.
    - c. Pengurusan Syarikat Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB).
    - d. Perolehan Sistem dan Projek melibatkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).
    - e. Tunggakan Hasil/Terimaan Rumah Penempatan Sementara ‘Desa Lembah Permai’ (Rumah PS) melibatkan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).
    - f. Pembayaran bagi Projek Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) melibatkan MBSA.
  3. Secara keseluruhannya, daripada enam program/aktiviti/projek/syarikat negeri yang disemak didapati beberapa penemuan seperti berikut:
    - 3.1. Bagi aspek penilaian pencapaian objektif/output/keberhasilan dan pengurusan aktiviti, didapati:
      - a. **Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar** – bagi aspek ekonomi, aktiviti hutan telah memberi sumbangan hasil kepada Kerajaan negeri antara 1.9% hingga 7.5% (2016-2021). Keluaran kayu hutan terjejas kerana dasar moratorium yang dikuatkuasakan mulai tahun 2010 hingga 2035 dan objektif projek pembangunan ladang hutan masih belum dicapai. Bagi aspek sosial, 69% responden bersetuju aktiviti kuari telah menjelaskan komuniti orang asli manakala bagi aspek alam sekitar satu sampel air dan udara daripada aktiviti

kuari melebihi had yang ditetapkan. Konflik manusia dengan hidupan liar merekodkan 12,065 aduan.

- b. **Pengurusan Kemudahan Awam/Asas Desa** – seramai 202 (48.6%) responden tidak berpuas hati dengan kemudahan/fasiliti yang disediakan.
  - c. **Pengurusan Syarikat Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.** – syarikat telah menyumbang RM669.50 juta kepada Kerajaan Negeri Selangor dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Hasil kutipan royalti daripada aktiviti perlombongan berjumlah RM194.07 juta telah berjaya dikutip dan peratus penarafan daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) adalah memuaskan, iaitu antara 72.4% hingga 85.8%.
  - d. **Pengauditan pematuhan** – bagi pengurusan Perolehan Sistem dan Projek (MBSA), prestasi kutipan Rumah PS (MPAJ) dan kawalan pembayaran Projek MARRIS (MBSA) kurang memuaskan kerana kelemahan dalam perancangan, pelaksanaan, arahan/prosedur perolehan yang tidak jelas, penguatkuasaan yang kurang berkesan dan tiada pemantauan.
- 3.2. Terdapat empat kes melibatkan anggaran kehilangan/kerugian hasil bernilai RM32.81 juta melibatkan Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar, Perolehan Sistem dan Projek, Tuggakan Hasil/Terimaan Rumah Penempatan Sementara” Desa Lembah Permai” (Rumah PS) milik MPAJ dan Pengurusan Syarikat Kumpulan Semesta Sdn. Bhd..
- 3.3. Terdapat juga dua kes melibatkan pembayaran tidak teratur bernilai RM9.86 juta melibatkan Pengurusan Kemudahan Awam/Asas Desa bernilai RM18,410 dan Pembayaran Bagi Projek Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) MBSA berjumlah RM9.84 juta.
- 3.4. Di samping itu, berlaku satu kes pembaziran bernilai RM0.94 juta melibatkan Perolehan Sistem dan Projek MBSA.
4. Hasil daripada pengauditan yang dilaksanakan, Jabatan Audit Negara telah mengemukakan 16 syor untuk diambil tindakan oleh jabatan/agensi/syarikat berkaitan, iaitu empat kepada JPNS, tiga kepada UPEN dan PDT, tiga kepada KSSB dan enam kepada MBSA dan MPAJ.